



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**SIKAP TERHADAP KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM
KALANGAN GURU DAN BAKAL GURU**

*MULTICULTURAL ATTITUDE AMONG TEACHERS AND PRESERVICE
TEACHERS*

Nang Nashirah Nik Dahalan¹, Yasmin Ahmad^{2*}, Mardzelah Makhsin³

¹ Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: nangnashirah@gmail.com

² Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: yasminahmad@unimap.edu.my

³ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mazfaniy@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.10.2023

Revised date: 22.10.2023

Accepted date: 10.03.2024

Published date: 18.03.2024

To cite this document:

Dahalan, N. N. N., Ahmad, Y., & Makhsin, M. (2024). Sikap Terhadap Kepelembagaan Budaya dalam Kalangan Guru dan Bakal Guru: Suatu Sorotan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (53), 435-443.

DOI: 10.35631/IJEPC.953033.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelembagaan etnik dan budaya. Setiap kaum mempunyai etnik dan budayanya yang tersendiri. Dalam usaha memahami kepelembagaan budaya di Malaysia, antara caranya ialah perlunya wujud sikap terhadap kepelembagaan budaya. Bakal guru perlu mempunyai sikap positif untuk mengajar pelajar yang terdiri daripada etnik dan budaya yang pelbagai. Dalam konteks pendidikan, sikap terhadap kepelembagaan budaya adalah perlu bagi melihat kualiti yang diinginkan untuk pengajaran yang terbaik di dalam kelas dan tidak berlaku bias terhadap pelajar daripada golongan minoriti. Bakal guru yang mempunyai sikap yang positif terhadap kepelembagaan budaya pelajar akan mempengaruhi kompetensi budaya bakal guru tersebut.

Kata Kunci:

Kepelembagaan Budaya, Kompetensi Budaya, Sikap Terhadap Kepelembagaan Budaya

Abstract:

Malaysia is a country with ethnic and cultural diversity. Each race has its own ethnicity and culture. To understand cultural diversity in Malaysia, one of the ways is to have a multicultural attitude. Preservice teachers need to have a

positive attitude to teach students from diverse ethnicities and cultures. In the context of education, multicultural attitude is necessary to see the desired qualities for the best teaching in the classroom and not bias against students from minority groups. Preservice teachers who have a positive attitude towards students' cultural diversity will influence their cultural competence.

Keywords:

Multicultural Attitude, Cultural Competence, Cultural Diversity

Pengenalan

Kewujudan budaya yang berbeza sejak zaman dahulu adalah melambangkan kepelbagaian budaya. Masyarakat yang merangkumi dua atau lebih komuniti budaya yang berbeza boleh dinyatakan sebagai masyarakat yang terdiri daripada pelbagai budaya. Menurut Kymlicka (2015), masyarakat yang mempunyai perbezaan budaya mempunyai bahasa dan sejarah yang berbeza. Jika sesebuah negara terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa atau datang dari bangsa yang berbeza, maka negara itu adalah berbilang budaya.

Pada masa kini, akibat daripada berlakunya migrasi dan globalisasi, banyak negara mengalami kepelbagaian etnik dan budaya (Alizadeh & Chavan, 2015). Globalisasi telah mempengaruhi kepelbagaian etnik dan budaya seterusnya memerlukan guru untuk memahami dan menerima perubahan tersebut. Kesan daripada migrasi keatas pekerjaan guru dan cabaran untuk guru dalam bidang pendidikan juga perlu dititikberatkan (Paine et al., 2017).

Dari aspek pendidikan, guru dan pelajar berhadapan dengan kepelbagaian budaya di dalam kelas (Dubveld et al., 2019). Kelas yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dicirikan oleh kepelbagaian etnik, agama, bahasa, dan tradisi budaya (Ben-Peretz et al., 2006). Guru membawa sikap dari budaya sendiri, nilai, harapan, dan kepercayaan ke dalam kelas. Pengetahuan dan sikap saling berkait rapat dan kedua-duanya berkemungkinan mempengaruhi pengajaran di dalam kelas. Sikap guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar memberi kesan terhadap pengajaran di dalam kelas (Banks, 2004), seterusnya akan menunjukkan tahap kompetensi budaya guru tersebut.

Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya

Menurut Ponterotito et al. (1998), sikap terhadap kepelbagaian budaya ialah kesedaran, keselesaan dan kepekaan guru dalam menghadapi budaya yang pelbagai yang terdapat di dalam kelas. Sikap guru dilihat lebih positif apabila berhadapan dengan persekitaran sekolah yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya berbanding dengan sekolah yang kurang kepelbagaian budaya (Glock et al., 2018). Wahab et al. (2018) menyatakan sikap merupakan salah satu perkara yang penting jika berada dalam persekitaran yang pelbagai budaya. Sikap yang harmoni dapat mewujudkan budaya sekolah yang baik. Ketika berada di dalam kelas, adalah sangat penting bagi guru untuk menunjukkan sikap terhadap kepelbagaian budaya supaya ketika dalam pengajaran dan pembelajaran elemen budaya yang pelbagai dapat diterapkan.

Pengajaran di dalam kelas yang terdapat kepelbagaian budaya pelajar memerlukan guru lebih kompeten dalam mewujudkan hubungan yang positif antara guru dan pelajar bagi mencapai penglibatan pelajar secara aktif di dalam kelas. Sikap guru yang positif terhadap budaya pelajar yang pelbagai menjadikan suasana di dalam kelas menjadi positif dan meningkatkan tahap motivasi guru untuk mengajar pelajar daripada pelbagai budaya (Kalyva et al., 2007).

Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya

Vazquez-Montilla et al. (2014) menyatakan sikap guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar mempengaruhi pembelajaran pelajar di dalam kelas. Sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap pelajar daripada budaya yang pelbagai berfungsi sebagai kuasa yang boleh mempengaruhi sikap guru ketika mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai (Sabine Glock & Kleen, 2019).

Menurut Vazquez-Montilla et al. (2014) antara faktor yang menyebabkan sikap negatif guru terhadap pelajar daripada budaya yang pelbagai ialah:

- i. Kekurangan latihan khusus berkenaan budaya dan bahasa pelajar daripada budaya yang pelbagai di sekolah.
- ii. Peningkatan jumlah pelajar daripada budaya yang pelbagai di sekolah.
- iii. Interaksi yang kurang baik terhadap golongan minoriti.
- iv. Persekitaran tempat tinggal guru mempunyai pendedahan yang terhad berkaitan kepelbagaian budaya yang pelbagai.

Menurut Vazquez-Montilla et al., (2014) lagi, disebabkan oleh peningkatan bilangan pelajar daripada budaya yang pelbagai di sekolah, terdapat peningkatan tekanan yang diberikan kepada guru oleh pihak sekolah. Tekanan tersebut seperti guru bertanggungjawab terhadap pencapaian akademik pelajar daripada budaya yang pelbagai (Lombardi et al., 2018).

Selain itu, menurut Wright dan Jenkins-Guarnieri (2012) antara faktor lain yang mempengaruhi sikap guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar ialah:

- i. Guru tidak mempunyai latihan pembangunan profesional yang sewajarnya.
- ii. Tidak mendapat pendedahan yang lengkap berkaitan kurikulum atau bahan kursus untuk pengajaran kerana sekolah terletak di pinggir bandar.
- iii. Kekurangan guru di sekolah.
- iv. Kurikulum serta bahan pengajaran tidak sesuai dengan budaya guru.

Banks (2004) menyatakan sikap negatif guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar antaranya disebabkan oleh faktor berikut:

- i. Mempunyai sikap prejudis terhadap kaum lain.
- ii. Mempunyai rasa kebencian.
- iii. Kekurangan pengetahuan tentang kepelbagaian etnik dan budaya.
- iv. Kurangnya pengetahuan dan kemahiran pedagogi untuk mengajar pelajar yang pelbagai budaya.

Oleh hal demikian, untuk berhadapan dengan persekitaran pembelajaran pelajar dan pengajaran yang ideal, guru mesti menerima perbezaan kaum, budaya, agama, ekonomi dan

politik pelajar. Guru mestilah menerima perbezaan budaya pelajar di dalam kelas dan menghargai perbezaan tersebut (Polat, 2011). Guru perlu kreatif, fleksibel, sensitif, dan memberi sokongan sepenuhnya terhadap pendidikan pelbagai budaya (Aydin, 2013).

Villegas dan Lucas (2002) mentakrifkan enam ciri yang mesti ada pada guru pelbagai budaya:

- i. Mempunyai kesedaran sosio-budaya.
- ii. Menyedari bahawa setiap pelajar mungkin belajar dengan cara yang berbeza dan tidak menganggap perbezaan budaya sebagai masalah yang perlu diatasi.
- iii. Menyedari bahawa tanggungjawab sebagai guru pelbagai budaya adalah penting.
- iv. Memahami bagaimana pelajar menerima sesuatu maklumat dan menyokong usaha pelajar dalam menstruktur maklumat.
- v. Mengambil berat tentang kehidupan pelajar.
- vi. Menyesuaikan pendidikan berdasarkan pemerhatian ke atas kehidupan pelajar.

Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya Dalam Kalangan Guru

Di sekolah, guru mempunyai peranan penting dalam menangani sensitiviti budaya, nilai kepelbagaian budaya, dan dalam mengubahsuai sikap guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar yang terdapat di sekolah (Villegas & Lucas, 2007). Menurut Abacioglu et al. (2020), sikap guru terhadap kepelbagaian budaya adalah suatu keperluan yang perlu ada bagi memastikan pengajaran guru kepada pelajar adalah yang paling baik supaya tidak berlaku bias terhadap pelajar daripada budaya yang berbeza.

Guru yang tidak mempamerkan sikap yang sensitif terhadap budaya pelajar yang pelbagai dalam kelas boleh menyebabkan suasana dalam kelas menjadi tegang (Debbag & Fidan, 2020). Jika di dalam diri guru sendiri telah dipupuk dengan baik sikap terhadap kepelbagaian budaya, pasti guru dapat mewujudkan persekitaran kelas dan sekolah dengan suasana pelajar yang dapat menerima kepelbagaian budaya dengan rasa yang positif dan harmoni (Mlinar & Krammer, 2021).

Guru memainkan peranan penting ketika mengajar di sekolah pelbagai etnik dan budaya supaya dapat mendidik pelajar untuk menghormati kepelbagaian (Vezzali et al., 2012). Adalah sangat penting bagi guru untuk menunjukkan sikap yang baik ketika berhadapan dengan pelajar yang berlainan budaya dengannya. Guru haruslah menunjukkan sikap yang baik terhadap kepelbagaian budaya kerana guru memainkan peranan untuk membantu pelajar dari golongan minoriti dan majoriti bagi mengekalkan hubungan yang positif terhadap budaya yang pelbagai. Secara tidak langsung, ia dapat memupuk kesedaran diri, keyakinan, serta identiti etnik yang positif (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2015).

Sikap guru juga mempengaruhi prestasi pelajar dan boleh menjadi halangan untuk kejayaan pengajaran dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian budaya pelajar (Gay, 2009). Walaupun guru mengajar di kelas yang terdapat kepelbagaian budaya pelajar, guru mungkin mempunyai sikap negatif terhadap pelajar yang mempunyai latar belakang bahasa, budaya atau agama yang pelbagai (Agirdag et al., 2012; Coronel & Gómez-Hurtado, 2015). Jika guru mempunyai sikap bias terhadap pelajar dari kelompok minoriti, ia akan memberi kesan

terhadap pencapaian akademik pelajar dan seterusnya akan mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar di dalam kelas (Bergh et al., 2010). Guru dilihat memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberkesanan kualiti pendidikan pelbagai budaya. Sikap positif guru terhadap pendidikan pelbagai budaya adalah penting (Aktoprak et al., 2018).

Menurut Babur dan Ozan (2022), guru lelaki didapati mempunyai sikap yang lebih tinggi terhadap pendidikan pelbagai budaya berbanding guru perempuan, dan perbezaan ini adalah signifikan secara statistik. Tiada perbezaan yang signifikan dalam sikap terhadap pendidikan pelbagai budaya berdasarkan umur, status perkahwinan, kepuasan kerja, senioriti profesional, atau tahap pengajaran. Sikap guru terhadap pendidikan pelbagai budaya secara umumnya adalah positif. Hal ini menunjukkan minat guru dalam pendidikan pelbagai budaya. Hasil kajian Babur dan Ozan (2022) menunjukkan bahawa guru secara umumnya mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan pelbagai budaya, dengan sedikit variasi berdasarkan jantina tetapi tidak terlalu dipengaruhi oleh pembolehubah demografi lain.

Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Bakal Guru

Dalam konteks pendidikan, sikap positif bakal guru terhadap pelajar daripada pelbagai budaya bertujuan menghasilkan kualiti pembelajaran yang bermutu. Program pendidikan guru seharusnya memperkukuh serta membangunkan ideologi tentang kepelbagaian budaya kepada bakal guru supaya mereka dapat berhadapan dengan pelajar yang pelbagai dengan baik (Mlinar & Krammer, 2021). Walaupun pendekatan pembelajaran kepelbagaian budaya dimasukkan dalam kurikulum pendidikan guru semasa di universiti, guru perlu menghayati pemahaman pendidikan kepelbagaian budaya dan menunjukkan sikap yang baik terhadap budaya yang pelbagai bagi mencapai tujuan sebenar mengapa perlunya pemahaman tentang kepelbagaian budaya apabila mengajar kelak (Banks, 2017). Jika bakal guru mempunyai sikap negatif terhadap kepelbagaian budaya pelajar, bakal guru kemungkinan tidak akan berjaya untuk melaksanakan kurikulum pelbagai budaya (Banks, 2004).

Program Pendidikan Guru harus membantu bakal guru untuk mengambil berat berkenaan budaya sendiri dan membangunkan sikap yang lebih positif terhadap etnik dan budaya lain (Banks & Banks, 2019). Pendidikan bakal guru tentang bahasa lain perlu dipandang serius ketika berada dalam tempoh Program Pendidikan Guru. Kursus berkaitan bahasa budaya lain perlu ditingkatkan, termasuk kemahiran yang diperlukan untuk menganalisis bahasa asing dan bukannya hanya mengetahui untuk menstruktur bahasa sahaja. Hal ini akan dapat membantu meningkatkan kompetensi budaya dan sikap bakal guru terhadap pendidikan pelbagai budaya (Pekoz & Gursimsek, 2020).

Menurut Arsal (2019), bakal guru yang mendapat pendedahan berkenaan program pendidikan pelbagai budaya semasa berada dalam Program Pendidikan Guru menunjukkan tahap kemajuan yang lebih ketara dalam aspek sikap terhadap kepelbagaian budaya pelajar. Arsal (2019) juga menyatakan penggabungan silibus pendidikan pelbagai budaya di dalam Program Pendidikan Guru memberi kesan positif terhadap pemupukan sikap guru terhadap kepelbagaian budaya.

Menurut Pekmezci dan Ertas (2024), sikap terhadap profesion perguruan boleh dibentuk semasa pendidikan bakal guru, dengan menekankan kepentingan untuk memahami apa yang memotivasikan individu untuk memilih kerjaya dalam bidang perguruan. Sikap bakal guru terhadap profesion perguruan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya seperti motivasi

dalam diri mereka iaitu minat yang mendalam terhadap profesion perguruan, rasa keterikatan dengan sekolah, dan nilai budaya. Sikap positif terhadap profesion perguruan didapati memberi kesan yang positif kepada motivasi bakal guru dan keberkesanan profesional mereka pada masa depan (Pekmezci & Ertas, 2024). Selain itu, bakal guru yang mempunyai sikap yang lebih positif terhadap profesion perguruan lebih cenderung untuk memiliki motivasi yang kuat untuk mengajar (Eren & Yesilbursa, 2019).

Sikap bakal guru terhadap profesion perguruan memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi, komitmen, dan keseluruhan keberkesanan mereka sebagai pendidik pada masa depan. Memahami sikap-sikap yang positif ini adalah penting di dalam program pendidikan guru kerana dapat menyokong perkembangan guru supaya menjadi seorang guru yang kompeten dan berdedikasi (Pekmezci & Ertas, 2024). Justeru, sikap terhadap kepelbagaian budaya adalah salah satu perkara asas yang perlu ada dalam diri seorang profesion perguruan (Robinson, 2021).

Sebagai seorang guru yang umumnya mengetahui bahawa tugasnya adalah mengajar, guru mestilah mempunyai semangat yang tinggi ke arah pendidikan dan bersedia untuk mendidik pelajar bagi membantu meningkatkan pembelajaran pelajar. Ini kerana hasil pendidikan pelajar yang terdiri daripada pelbagai budaya sebahagiannya bergantung kepada sikap guru (Vazquez-Montilla et al., 2014). Sikap masyarakat terhadap pelajar daripada pelbagai budaya berperanan sebagai daya yang mungkin mempengaruhi sikap negatif guru terhadap kumpulan pelajar tersebut (Glock & Kleen, 2019). Oleh itu, guru perlu menunjukkan sikap yang baik kepada pelajar dan mendekati pelajar daripada budaya berbeza walaupun terdapat cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi (Kafele, 2014).

Kesimpulan

Pada masa kini, kepelbagaian budaya semakin berkembang di Malaysia. Selain daripada memiliki masyarakat majmuk yang berbilang etnik dan budaya, pada masa kini juga dilihat kemasukan warganegara asing ke Malaysia bagi melanjutkan pengajian membawa kepada kepelbagaian budaya. Bakal guru yang mempunyai sikap yang positif terhadap kepelbagaian budaya pelajar akan mempengaruhi kompetensi budaya bakal guru tersebut. Di sekolah, sikap positif bakal guru untuk mengajar pelajar daripada pelbagai etnik dan budaya sangat penting. Apabila bakal guru mempunyai sikap yang positif terhadap budaya lain, dialog antara budaya akan menjadi lebih berkesan kerana sikap positif yang ada di dalam diri dapat membantu bakal guru supaya tidak wujud sikap prejudis terhadap budaya yang berbeza, dan hasilnya kompetensi budaya bakal guru akan meningkat. Secara tidak langsung, bakal guru akan lebih memahami budaya pelajar yang berbeza latar belakang budaya seterusnya dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang harmoni di dalam kelas.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan di atas penganugerahan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2020/SS0/UNIMAP/02/4 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

Abacioglu, C. S., Volman, M., & Fischer, A. H. (2020). Teachers' multicultural attitudes and perspective taking abilities as factors in culturally responsive teaching. *British Journal of Educational Psychology, 90*(3), 736–752. <https://doi.org/10.1111/bjep.12328>

- Agirdag, O., Huyst, P., & Van Houtte, M. (2012). Determinants of the Formation of a European Identity among Children: Individual- and School-Level Influences. *JCMS Journal of Common Market Studies*, 50, 198–213. <https://doi.org/10.1111/j.1468-5965.2011.02205.x>
- Aktoprak, A., Yiğit, P., & Güneyli, A. (2018). Attitudes of primary school teachers toward multicultural education. *Quality and Quantity*, 52, 181–194. <https://doi.org/10.1007/s11135-017-0600-x>
- Alizadeh, S., & Chavan, M. (2015). Cultural competence dimensions and outcomes: A systematic review of the literature. *Health & Social Care in the Community*, 24. <https://doi.org/10.1111/hsc.12293>
- Arsal, Z. (2019). Critical multicultural education and preservice teachers' multicultural attitudes. *Journal for Multicultural Education*, 13(1), 106–118. <https://doi.org/10.1108/JME-10-2017-0059>
- Aydin, H. (2013). A Literature-based Approaches on Multicultural Education. *Anthropologist*, 16, 31–44. <https://doi.org/10.1080/09720073.2013.11891333>
- Babur, S., & Ozan, C. (2022). The relationship between teachers' attitudes towards multicultural education and their empathic tendencies. *Psycho-Educational Research Reviews*, 11(2), 54–69. <https://doi.org/10.52963/PERR>
- Banks, J. (2017). *An Introduction to Multicultural Education* (sixth edit). Pearson Education.
- Banks, J. A. (2004). "Multicultural Education: Historical Development, Dimensions, and Practice." In *Handbook of Research on Multicultural Education*. CA: Jossey-Bass.
- Banks, James A., & Banks, C. A. M. (2019). *Multicultural Education: Issues and Perspectives* (10th ed.). Wiley.
- Barış Pekmezci, F., & Dağdeviren Ertaş, B. (2024). Pre-service teachers in Türkiye in the framework of attitude towards the teaching profession, school belonging, and motivation. *Teaching and Teacher Education*, 142(February), 104514. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2024.104514>
- Ben-Peretz, M., Eilam, B., & Yankelevich, E. (2006). Classroom management in multicultural classes in an immigrant country: The case of Israel. In *Handbook of Classroom Management*.
- Bergh, L., Denessen, E., Hornstra, L., Voeten, R., & Holland, R. (2010). The Implicit Prejudiced Attitudes of Teachers. *American Educational Research Journal - AMER EDUC RES J*, 47, 497–527. <https://doi.org/10.3102/0002831209353594>
- Coronel, J., & Gómez-Hurtado, I. (2015). Nothing to do with me! Teachers' perceptions on cultural diversity in Spanish secondary schools. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 21. <https://doi.org/10.1080/13540602.2014.968896>
- Debbag, M., & Fidan, M. (2020). Relationships between Prospective Teachers' Multicultural Education Attitudes and Classroom Management Styles. *International Journal of Progressive Education*, 16(2), 111–122. <https://doi.org/10.29329/ijpe.2020.241.8>
- Dubbeld, A., de Hoog, N., den Brok, P., & de Laat, M. (2019). Teachers' multicultural attitudes and perceptions of school policy and school climate in relation to burnout. *Intercultural Education*, 30(6), 599–617. <https://doi.org/10.1080/14675986.2018.1538042>
- Eren, A., & Yeşilbursa, A. (2019). Pre-service teachers' teaching-specific hopes and their motivational forces: The roles of efficacy beliefs and possible selves. *Teaching and Teacher Education*, 82, 140–152. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.03.016>

- Eskici, M. (2016). Prospective Teachers' Personal Characteristics to Multicultural Education. *Universal Journal of Educational Research*, 4(12A), 102–111. <https://doi.org/10.13189/ujer.2016.041313>
- Gay, G. (2009). Acting on Beliefs in Teacher Education for Cultural Diversity. *Journal of Teacher Education*, 61(1–2), 143–152. <https://doi.org/10.1177/0022487109347320>
- Glock, S, Kovacs, C., & Pit-ten Cate, I. M. (2018). Teachers' attitudes towards ethnic minority students: Effects of schools' cultural diversity. *British Journal of Educational Psychology*. <https://doi.org/https://doi.org/10.1111/bjep.12248>.
- Glock, Sabine, & Kleen, H. (2019). Attitudes toward students from ethnic minority groups: The roles of preservice teachers' own ethnic backgrounds and teacher efficacy activation. *Studies in Educational Evaluation*, 62(November 2018), 82–91. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2019.04.010>
- Kafele, B. (2014). Closing the attitude gap. *Education Digest*, 80(2), 15–19.
- Kalyva, E., Gojkovic, D., & Tsakiris, V. (2007). Serbian teachers' attitudes towards inclusion. *International Journal of Special Education*, 22, 30.
- Kymlicka, W. (2015). *Multicultural citizenship* (2nd ed.).
- Lombardi, A., Gelbar, N., Dukes III, L. L., Kowitt, J., Wei, Y., Madaus, J., Lalor, A. R., & Faggella-Luby, M. (2018). Higher education and disability: A systematic review of assessment instruments designed for students, faculty, and staff. *Journal of Diversity in Higher Education*, 11(1), 34.
- Mlinar, K., & Krammer, G. (2021). Multicultural attitudes of prospective teachers: The influence of multicultural ideology and national pride. *International Journal of Intercultural Relations*, 84(February), 107–118. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2021.07.008>
- Organisation for Economic Co-operation and Development, O. (2015). "Is this humanitarian crisis different?" Migration Policy Debates. <https://www.oecd.org/migration/Is-this-refugee-crisis-different.pdf.%0D>
- Paine, L., Aydarova, E., & Syahril, I. (2017). *Globalization and Teacher Education*.
- Pekoz, Ç., & Gursimsek, A. I. (2020). Multicultural attitudes and cultural intelligence of preschool teachers. *Journal for Multicultural Education*, 35(2), 45–60. <https://doi.org/10.1108/JME-05-2019-0043>
- Polat, S. (2011). The attitudes of school directors to the multicultural education in Turkey. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 2(2), 385–394.
- Ponterotito, J. G., Baluch, S., Greig, T., & Rivera, L. (1998). Development and Initial Score Validation of the Teacher Multicultural Attitude Survey. *Educational and Psychological Measurement*, 58(6), 1002–1016. <https://doi.org/10.1177/0013164498058006009>
- Robinson, C. M. (2021). *Teachers' Attitudes towards Multicultural Curriculum*.
- Vazquez-Montilla, E., Atha, M., & Triscari, R. (2014). Teachers' dispositions and beliefs about cultural and linguistic diversity. *Universal Journal of Educational Research*, 2(8), 577–587. <https://doi.org/10.13189/ujer.2014.020806>
- Vezzali, L., Capozza, D., Giovannini, D., & Stathi, S. (2012). Improving implicit and explicit intergroup attitudes using imagined contact: An experimental intervention with elementary school children. *Group Processes and Intergroup Relations*, 15(2), 203–212. <https://doi.org/10.1177/1368430211424920>
- Villegas, Ana Maria, & Lucas, T. (2007). The culturally responsive teacher. *Educational Leadership*, 64(6), 28.

- Villegas, Ana María, & Lucas, T. (2002). Preparing culturally responsive teachers rethinking the curriculum. *Journal of Teacher Education*, 53(1), 20–32. <https://doi.org/10.1177/0022487102053001003>
- Wahab, N. A., Nathan, P., Hasnida, N., Ghazali, C. M., Rabi, N. M., & Dawi, A. H. (2018). Teachers' Perspective on Cultural Diversity in School: A Case Studies. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(3), 497–506. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v7-i3/4568>
- Wright, S. L., & Jenkins-Guarnieri, M. A. (2012). Student evaluations of teaching: Combining the meta-analyses and demonstrating further evidence for effective use. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 37(6), 683–699. <https://doi.org/10.1080/02602938.2011.563279>